

## **Seni Kontemporari: Prospek Mendokumentasi Identiti Masyarakat Melayu Melalui Ilustrasi Stiker**

**Nurin Elani Binti Makrai**

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan

nurinelani@kelantan.uitm.edu.my/nelanimakrai@gmail.com

**Nur Fatiyah Binti Roslan**

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan

hour\_glass84@yahoo.com

**Ayuffeirah Binti Mislan**

Fakulti Pengurusan Perniagaan

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan

[ayuyuzm611@gmail.com](mailto:ayuyuzm611@gmail.com)

**Farhanah Binti Abu Sujak**

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Alam

Farha717@salam.uitm.edu.my/farsujak@gmail.com

### **ABSTRAK**

Gelombang budaya Korea telah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan masyarakat kepada penggunaan stiker (sticker) sebagai sebahagian daripada pelengkap dalam membuat catatan kegiatan harian atau diari masyarakat Korea. Inspirasi penggunaan stiker di dalam masyarakat Melayu moden kini telah berleluasa. Di mana mereka sanggup membeli dan mengumpul koleksi stiker-stiker ini semata-mata untuk kepuasan diri. Hal ini telah memberi satu platform bagi pengkaji untuk mendalami sejauh mana pengaruh dan impak penggunaan stiker tersebut di kalangan masyarakat Melayu kini dihayati sepenuhnya atau sebaliknya. Selain daripada itu, penghasilan stiker daripada Negara Korea merupakan pengantara dalam memberikan informasi mengenai budaya masyarakat Korea itu sendiri. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetahui prospek mendokumentasi identiti masyarakat Melayu melalui ilustrasi pada stiker dapat mempromosikan budaya dan identiti masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, kajian merangkumi kebolehpasaran stiker yang melambangkan identiti masyarakat Melayu dapat diterima oleh masyarakat kini. Persekutaran serta konteks penghasilan stiker kontemporari pada dasarnya berbeza daripada penggunaan serta ilustrasi yang dihasilkan sebelum ini yang lebih menjurus kepada penggunaan seperti tanda harga, pelekat kenderaan dan sebagainya. Penggunaan stiker atau pelekat haruslah diamati dengan nilai-nilai murni serta unsur-unsur budaya Melayu agar dihayati dan dimengerti oleh masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya. Perbincangan mengenai tema, gaya dan tujuan stiker itu sendiri turut menggambarkan tentang keunggulan, keunikan dan kelebihan sesuatu ilustrasi pada stiker. Kebanyakan pihak pengeluar ataupun pereka stiker menghasilkan ilustrasi pada stiker mengikut identiti negara pengeluar tersebut.

**Kata Kunci:** Seni Kontemporari, Identiti Masyarakat Melayu, Ilustrasi, Stiker/Pelekat (Sticker)

## PENGENALAN

Melalui beberapa kajian, penghasilan stiker mempunyai sejarah yang panjang dan kurang bahan rujukan yang diyakini. Namun melalui pengamatan, bermula daripada penggunaan bahan, media cetak dan fungsi penghasilan stiker, hingga ke media digital, stiker telah mewarnai kehidupan manusia dengan pelbagai tema, gaya dan tujuan. Pada hari ini, stiker boleh dikategorikan sebagai seni kontemporari yang mana ia bukan sahaja didatangkan dalam bentuk cetakan malah diaplikasikan dalam bentuk aplikasi pesanan ringkas.

Sebagai cabang ilmu, seni kontemporari stiker ini berkait rapat dengan pelbagai bidang seperti grafik, seni halus, sosiologi, media dan komunikasi. Seorang seniman kontemporari Tibet, Gonkar Gyatso (menggunakan stiker yang mempunyai identiti Tibet dalam karya seninya) menyifatkan stiker sebagai sebuah bentuk representasi budaya (Allenhey, A. 2012). Karya yang dihasilkan diharap dapat menyampaikan sebanyak mungkin informasi berkaitan identitinya sebagai orang Tibet. Berikut itu, penggunaan ilustrasi bertemakan identiti sesuatu masyarakat berupaya memberi gambaran dan berkomunikasi tentang budaya dan bangsa tersebut. Justeru itu, penulisan ini bertujuan mengetahui prospek mendokumentasi identiti masyarakat Melayu melalui ilustrasi pada stiker. Sekaligus, mempromosikan budaya dan identiti masyarakat Melayu.

## FENOMENA STIKER KOREA DI MALAYSIA

Kemunculan komuniti “*Planner Addict*” di serata dunia telah menjadi suatu aliran baru bagi kumpulan ini merencanakan kehidupan harian mereka secara kreatif. Komuniti ini lebih selesa mencatatkan agenda atau jadual harian di dalam diari atau “*planner/scheduler*”. Pengolahan catatan harian menggunakan kreativiti masing-masing serta berkongsi hasil karya mereka secara atas talian umumnya di laman sosial seperti Instagram telah menyebabkan suatu fenomena yang mana kebanyakannya akan berusaha mencari sesuatu kelainan atau menjadi “*trend setter*” kepada komuniti ini. Ini merupakan fenomena di kalangan masyarakat Melayu moden kini.

Salah satu media yang digunakan bagi mendekorasi catatan harian mereka adalah stiker. Ini kerana stiker yang didatangkan khas dari Negara Korea memfokuskan fungsi dan mampu menterjemahkan agenda harian pengguna agar tampak lebih tersusun tetapi secara kreatif. (Ilustrasi 1, *Momoi Girl Ver. 2*).

**Ilustrasi 1. Contoh Penggunaan Stiker *Momoi Girl Ver. 2* (<http://www.pinterest.com>)**



Berdasarkan tema, ilustrasi pada karakter diolah untuk menterjemahkan gaya kehidupan masyarakat Korea itu sendiri. Sekaligus, secara langsung maupun tidak langsung memperkenalkan komuniti ini kepada budaya masyarakat Korea. Kebanyakan tema yang ditonjolkan memaparkan aktiviti harian budaya masyarakat tersebut (Ilustrasi 1, *Momoi Girl Ver. 2*)

**Ilustrasi 2. Stiker Momoi Girl Ver. 2 Bertemakan Aktiviti Harian.**



Setiap ilustrasi karakter yang dihasilkan menitikberatkan emosi dan gaya dengan penuh bermakna. Penggunaan visual yang bertepatan berjaya menyampaikan mesej, berinteraksi dan dapat difahami daripada pelbagai latar belakang budaya dan bahasa (Ilustrasi 3, *Momoi Girl Ver. 2*). Dalam media komunikasi, stiker muncul dalam aplikasi pesanan ringkas. Penggunaan stiker dirasakan dapat menyampaikan sesuatu emosi dengan lebih baik berbanding penggunaan tulisan dan ikon. Justeru itu, Facebook merujuk ilustrasi pada stiker adalah berbeza daripada emotikon berdasarkan personaliti yang dititiberatkan pada ilustrasi sesuatu karakter (Russell, J. 2013).

**Ilustrasi 3. Contoh Emosi Pada Ilustrasi Karakter Stiker Momoi Girl Ver. 2.**



Selain daripada menggambarkan emosi pada ilustrasi karakter sesuatu tema yang dihasilkan. Penggunaan tipografi (Ilustrasi 4, *Momoi Girl Ver. 2*) yang diolah dan direka mengikut tema juga dititikberatkan. Bersesuaian dengan fungsi mencatatkan agenda harian secara kreatif dan menarik.

**Ilustrasi 4. Pengolahan Gaya Pada Tulisan Dalam Koleksi Stiker *Momoi Girl Ver. 2*.**



## PROSPEK ILUSTRASI STIKER IDENTITI MASYARAKAT MELAYU

Umumnya, suatu ketika dahulu segala aktiviti atau jadual harian dicatat menggunakan tulisan sahaja. Scenario masa kini, berbekalkan kemudahan akses internet dan perbankan atas talian segala stiker yang kebanyakannya dari Korea mudah didapati dan menjadi permintaan ramai. Daripada pemerhatian, kekurangan produk tempatan yang seharusnya melambangkan identiti tempatan menyakinkan pengkaji untuk melihat masalah ini sebagai prospek yang harus dikaji. Walaupun terdapat usaha dalam mewujudkan stiker bercirikan identiti masyarakat melayu tetapi masih di tahap permulaan. Memandangkan masyarakat Melayu kaya dengan budaya dan identiti, pelbagai genre atau tema ilustrasi boleh dihasilkan. Tidak tertumpu pada karakter sahaja, penggunaan bahasa, cara hidup, ikon dan corak yang boleh diketengahkan dalam reka corak stiker itu sendiri.

Memandangkan bahasa adalah suatu cabang penting identiti masyarakat melayu. Dan seperti stiker daripada Negara Korea yang menjadi kegilaan masyarakat melayu moden masih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda mereka. Begitu juga kita seharusnya. Contohnya pada stiker yang dihasilkan oleh Plan-It (Ilustrasi 5, *Favorite Phrases Plan-It Planner Stickers*). Kepelbagaiannya dialek dalam masyarakat Melayu itu sendiri boleh dipromosikan dan dikongsi dalam komuniti “planner” itu baik di luar maupun dalam Negara.

**Ilustrasi 5. *Favorite Phrases Plan-It Planner Stickers* (<http://www.etsy.com>)**



Begitu juga dengan penggunaan ilustrasi karakter yang berperanan sebagai visual komunikasi yang dapat melahirkan emosi dan imaginasi melalui kombinasi warna, imej dan perkataan. Pengkaji berpendapat wajar sekiranya mewujudkan lebih banyak stiker yang mempunyai ilustrasi mengetengahkan karakter, ragam, gaya dan fungsi yang mewakili falsafah dan cara hidup orang Melayu. Ini jelas kerana perbezaan budaya antara masyarakat Korean dan Melayu itu sendiri. Peranan ilustrasi itu sendiri tidak sekadar menarik untuk dilihat tetapi dapat dihayati dan dimengerti oleh pelbagai latar belakang budaya lain. Dalam konteks kemodenan dan perubahan sosial yang mengarap tema global, tema bercirikan islamik memungkinkan prospek pertalian dengan negara-negara Islam yang lain (Ilustrasi 6, *Hijabi Sticker set by Khudeejuh*).

**Ilustrasi 6. *Hijabi Sticker Set By Khudeejuh* (<http://www.stickerrific-store.com>)**



## KESIMPULAN

Melalui ikutan masa kini, pengaruh gelombang Korea dan Jepun telah mempengaruhi bentuk dan gaya stiker tempatan. Penghasilan karakter dipengaruhi oleh karakter anime dari Jepun yang seharusnya menampakkan cirri-ciri orang Melayu itu sendiri. Namun begitu, terdapat pelbagai cara dalam mendokumentasikan identiti masyarakat Melayu. Selain stiker, travelog adalah antara medium yang sedang digunakan ketika ini. Namun begitu, penggunaan stiker masih baru sebagai alat untuk menyebarkan informasi mengenai budaya dan identiti masyarakat Melayu dan menjadi medium pengantara di antara pereka dan pengguna. Di dalam arus kemodenan yang kebiasaannya berlandaskan cara hidup Barat, pengkaji berharap identiti sebagai orang melayu tidak akan ditinggalkan. Penggunaan ilustrasi karakter melambangkan identiti sendiri juga mempunyai sumbangan yang tersendiri dalam memartabatkan budaya dan bangsa masyarakat Melayu.

Berpegang kepada kata-kata Gonkar Gyatso yang menyifatkan stiker sebagai sebuah bentuk representasi budaya. Pengkaji melihat terdapat prospek untuk mengembangkan keperluan stiker sebagai medium mendokumentasikan identiti masyarakat Melayu.

## RUJUKAN

Allenhey, A. (2012). Meet the Artist: Gonkar Gyatso. *Art Space: Insider Access to the World's Best Art.*

*Korean planner stickers*, <http://www.pinterest.com>

Russell, J. (12 July 2013). *Stickers: From Japanese Craze to Global mobile messaging phenomenon* (<http://thenextweb.com/asia/2013/07/12/stickers/>)

*Favorite Phrases Plan-It Planner Stickers* (<http://www.etsy.com>)

*Hijabi sticker set by Khudeejuh* (<http://www.stickerific-store.com>)

Retroist (25 May 2011). *Sticker Fever – A Secret History Of Stickers*  
(<http://www.retroist.com/2011/05/25/sticker-fever-a-secret-history-of-stickers/>)